



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 2  
51 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4,  
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915556  
Faks : 03-88915557  
Portal : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Emel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter : [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook : [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

---

Fail : KPKT/BPK/19/9/4 Klt.3 ( 73)

Tarikh : 18 September 2014

## SIARAN MEDIA

### MESYUARAT MAJLIS NEGARA BAGI KERAJAAN TEMPATAN KE-68 (MNKT KE-68)

**PUTRAJAYA, 18 SEPTEMBER 2014** – Mesyuarat Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan Ke -68 (MNKT Ke-68) yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri telah diadakan pada pagi ini.

2. Mesyuarat MNKT Ke-68 mempertimbangkan 5 kertas iaitu 3 kertas oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), 1 kertas dari Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan 1 kertas dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

3. Selaku badan tertinggi penggubal dasar dan undang-undang kerajaan tempatan selaras dengan Perkara 95A Perlembagaan Persekutuan, mesyuarat MNKT Ke-68 ini membuat keputusan seperti berikut:

Kertas Pertimbangan

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

i. Cadangan Garis Panduan Perancangan Perumahan

Mesyuarat MNKT bersetuju dengan cadangan Garis Panduan Perancangan (GPP) Perumahan. Garis Panduan ini dapat membantu Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak

Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi teknikal serta pihak pemaju di dalam merancang, merekabentuk dan mengawal pembangunan semua jenis perumahan semasa penyediaan rancangan pemajuan dan memproses permohonan kebenaran merancang.

#### ii. Cadangan Garis Panduan Perancangan Lorong Belakang

Mesyuarat MNKT bersetuju dengan cadangan Garis Panduan Perancangan (GPP) Lorong Belakang. Garis Panduan ini telah menggariskan perkara-perkara asas berhubung dengan prinsip-prinsip perancangan serta garis panduan umum, garis panduan khusus dan mekanisma perancangan penyediaan lorong belakang yang perlu dipatuhi.

Aspek-spek yang dicadangkan di dalam garis panduan ini dapat membantu PBN, PBT dan agensi-agensi berkaitan dalam merancang, membangun dan mengawal penyediaan lorong belakang.

#### iii. Cadangan Undang-undang Kecil Spa

Mesyuarat MNKT bersetuju dengan cadangan UUK Spa. UUK ini diharap akan menyelaraskan kaedah kawal selia pelesenan spa di PBT, mengurangkan masalah perbezaan tafsiran aktiviti spa, mengatasi ketidakseragaman daripada aspek pelesenan sekali gus berusaha mengurangkan persepsi berlakunya aktiviti tidak bermoral yang sering dikaitkan dengan spa melalui penguatkuasaan yang lebih berkesan oleh PBT.

#### Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

#### iv. Cadangan Pelaksanaan Pengukuran Ke Atas Jajaran Utiliti Bawah Tanah Semasa Pemasangan

Mesyuarat MNKT bersetuju dengan Cadangan Pelaksanaan Pengukuran Ke Atas Jajaran Utiliti Bawah Tanah Semasa Pemasangan. Dengan ini, semua utiliti bawah tanah baru yang dipasang melalui pengorekan terbuka atau melalui penggerudian berarah (*horizontal directional drilling; HDD*) perlu diukur semasa pemasangan oleh juruukur tanah bertauliah. Keperluan ini akan dijadikan syarat kelulusan dalam permohonan kebenaran merancang di peringkat Pihak Berkuasa Perancang Tempatan.

## Kertas Makluman

4. Mesyuarat MNKT ini juga mengambil maklum 2 kertas makluman iaitu 1 kertas makluman dari Kementerian Kesihatan Malaysia dan 1 kertas makluman dari Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi seperti berikut:

### Kementerian Kesihatan Malaysia

i. Cadangan Tindakan Pencegahan Dan Kawalan Bagi Membendung Pembiakan Aedes Tapak Binaan

### Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

ii. Laporan Terkini Mengenai Fenomena El Nino dan Kesannya Kepada Malaysia

---

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat sembilan (9) Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Jabatan Landskap Landskap Negara, Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, Institut Latihan Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)